

# PM: Kabinet kaji semua syor

18 Ogos 2002  
Oleh ZULKIFLI JALIL DAN  
YUSRI SAHAT

**K**UALA LUMPUR 18 Ogos — Kabinet akan mengkaji semua cadangan termasuk dari Parti Gerakan yang mahu kerajaan memperkemaskan pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di sekolah sebelum melaksanakannya dalam Sains dan Matematik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, semua cadangan berhubung cara pelaksanaan bahasa Inggeris dalam dua mata pelajaran terbabit akan diteliti sebelum dikuatkuasakan tahun depan.

Beliau bagaimanapun setakat ini tidak mengetahui sama ada mesyuarat Kabinet Rabu ini akan membincangkan dasar baru pendidikan itu.

“Kita (Kabinet) kaji semuanya. Saya tidak tahu (sama ada ia akan dibincangkan Rabu ini) tetapi kita kajilah,” katanya kepada pemberita selepas melepaskan para peserta pusingan akhir Kejohanan Bot Laju F1 Dunia Malaysia di Mines Resort City, Seri Kembangan dekat sini hari ini.

## ● MCA tidak akan bantah sebarang spekulasi syor Gerakan — Muka 12

Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas beberapa cadangan balas termasuk daripada komponen parti Barisan Nasional (BN) berhubung langkah kerajaan itu yang akan dilaksanakan mulai tahun depan.

Semalam, Presiden Gerakan, Datuk Seri Lim Keng Yaik mengumumkan pendirian parti itu yang tidak setuju bahasa Inggeris digunakan untuk mengajar Sains dan Matematik di sekolah rendah kebangsaan Cina.

Parti itu sebaliknya mengesyorkan supaya istilah Inggeris bagi kedua-dua mata pelajaran itu diperkenalkan dalam buku-buku teks untuk pelajar Tahun Empat dan dwibahasa digunakan pelajar Tahun Lima dan Tahun Enam.

Menurut Keng Yaik, bagi peringkat sekolah rendah, parti itu mahu bahasa ibunda masing-masing dikekalkan sebagai bahasa pengantar dan pada masa sama,

■ Lihat muka 4

mahu pengajaran Sains dan Matematik diperbaiki.

Pada Jumaat lalu, mesyuarat tidak rasmi lima parti komponen BN yang mewakili kaum Cina masih gagal mencapai kata sepakat dalam menetapkan pendirian bersama berhubung isu tersebut.

Selain Gerakan, mesyuarat kali ketiga membabitkan pemimpin M-

CA, Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Maju Sabah (SAPP) dan Parti Liberal Demokratik itu memutuskan mereka memerlukan lebih banyak masa untuk membincangkan dasar tersebut.

Pelaksanaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik diperkenalkan oleh kerajaan bertujuan membolehkan pelajar ber-

saing lebih hebat dalam pasaran kerja yang lebih memberi penekanan kepada bahasa tersebut.

Bagaimanapun, dasar itu ditentang keras oleh pertubuhan Cina Dong Jiao Zong dan Dong Zong dengan disertai Pas yang mengangap ia mengikis identiti kaum Cina dan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

## PM: Kabinet kaji semua syor